

PERASMIAN KELENGKAPAN PENGELUARAN DULANG DAN PELANCARAN MINYAK MENTAH DULANG

KERTIH, TERENGGANU, 22 APRIL 1991

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS yang telah mengundang saya untuk majlis malam ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama di majlis perasmian kemudahan pengeluaran Dulang dan pelancaran minyak mentah Malaysia yang baru, iaitu minyak mentah Dulang.

2. Minyak mentah Dulang, sebagai minyak mentah Malaysia kelima selepas minyak-minyak mentah Miri, Labuan, Tapis dan Bintulu, merupakan satu lagi sumber tambahan bagi pendapatan negara. Walaupun Dulang ialah minyak mentah baru, saya gembira mendapat tahu bahawa ia telah menerima sambutan yang amat menggalakkan di pasaran. Saya difahamkan juga bahawa pengusaha-pengusaha loji penapis minyak dan syarikatsyarikat perdagangan Jepun serta pedagang-pedagang barat telah menyatakan minat dan hasrat untuk membeli minyak mentah ini secara kontrak berpenggal dari PETRONAS. Tukaran asing daripada jualan minyak mentah Dulang akan menyumbang ke arah memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara.

3. Projek Dulang ini adalah satu usaha yang amat besar. Oleh kerana medan minyak ini adalah antara yang terbesar di negara ini, maka pengeluaran minyak dari Dulang akan meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran dan eksport minyak Malaysia. Medan ini apabila dibangunkan sepenuhnya akan menyumbangkan satu per sepuluh daripada pengeluaran minyak negara. Ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan negara ini sebagai pengeluar minyak bersih atau "net oil producer".

4. Justeru itu, adalah amat membanggakan bahawa rakyat Malaysia telah bertanggungjawab membangunkan medan Dulang ini daripada peringkat awal hingga akhir. Dalam hubungan ini, PETRONAS Carigali Sdn Bhd, selaku operator atau pengendali medan minyak ini, telah memenuhi tanggungjawabnya dengan baik untuk menyediakan peluang bagi penglibatan rakyat Malaysia. Yang lebih penting lagi ialah rakyat Malaysia yang bekerja dalam projek ini telah menjalankan tugas mereka dengan begitu tekun, penuh komitmen dan dedikasi. Mereka telah membuktikan bahawa rakyat negara ini jika diberikan peluang, mampu menghadapi sebarang cabaran dengan menggunakan kebolehan dan pendekatan mereka.

5. Kemudahan pengeluaran Dulang yang saya lihat dalam lawatan saya pagi tadi adalah antara yang paling canggih di rantau ini, dan mungkin juga di Asia. Jaket berkaki lapan (eight-legged jacket) bagi pelantar Dulang-B, sebagai contoh, ialah sebuah struktur luar pantai yang terbesar di Asia Tenggara. Pembinaannya merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan bagi industri petroleum Malaysia, kerana kelengkapan-kelengkapan termoden yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan "state-of-the-art" ini, dibina oleh

syarikat-syarikat pembuat dan limbungan kapal tempatan. Projek Dulang telah mendedahkan mereka ini kepada satu dimensi baru yang memberikan mereka peluang untuk mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan menerusi penimbaan pengalaman dan kepakaran yang tidak ternilai. Hasil daripada penyertaan mereka dalam projek ini, kedudukan syarikat-syarikat pembuat Malaysia dan syarikat-syarikat perkhidmatan dan sokongan industri petroleum tempatan kini adalah setanding dengan yang lain-lain di rantau ini. Sesungguhnya Dulang menandakan kematangan industri petroleum kita, yang antara lainnya menampilkan Petronas Carigali Sdn Bhd sebagai sebuah syarikat eksplorasi dan pengeluaran petroleum sepenuhnya.

6. Kita bernasib baik kerana kejayaan ini bertepatan dengan perkembangan-perkembangan positif yang berlaku di rantau ini. Dengan keamanan yang wujud sekarang, banyak negara di Indo-China telah membuka pintu kepada pelaburpelabur asing untuk membantu membangunkan semula ekonomi mereka. Kini peluang yang lebih besar untuk mencarigali minyak terdapat di negara-negara seperti Myanmar dan Vietnam. Dengan itu syarikat-syarikat tempatan seharusnya menyediakan diri untuk merebut peluang-peluang ini dengan membuat tawaran bagi melaksanakan projek-projek di luar negeri. Saya merasa gembira kerana Carigali telahpun mengorak langkah ke arah ini dengan menubuhkan sebuah anak syarikat, iaitu PETRONAS Carigali Overseas Sdn Bhd, yang kini menjalankan usaha-usaha mencarigali minyak di Myanmar, di samping mempunyai rancangan untuk memperluaskan kegiatannya ke Vietnam. Sekiranya berjaya, usaha-usaha seperti ini akan menolong membangunkan negara-negara jiran yang mana secara langsung dan tidak langsung akan membawa banyak manfaat kepada negara kita. Kemiskinan negara jiran akan menghalang pertumbuhan dagangan, dan ini akan merugikan negara seperti Malaysia yang bergantung kepada perdagangan untuk pertumbuhan ekonominya.

7. Industri petroleum ialah satu industri teknologi tinggi dan memerlukan modal yang amat besar. Sementara pulangan daripada pelaburannya mungkin lumayan, ia juga merupakan satu industri yang penuh dengan risiko disebabkan pelbagai ketidaktentuan dalam usaha mencari minyak. Dengan sebab inilah, eksplorasi minyak kerap dijalankan secara usahasama. Dalam hubungan ini, saya merasa sukacita melihat PETRONAS, telah menjalin hubungan yang amat baik dengan banyak syarikat minyak, termasuk syarikat-syarikat minyak multinasional. Ini akan memberi manfaat dan kebaikan kepada PETRONAS dalam kegiatan-kegiatan eksplorasinya di seberang laut.

8. Di dalam negara pula, kerjasama erat seperti ini telah membuahkan hasil yang baik. Satu contoh yang baik ialah usahasama di antara Petronas Carigali dengan Esso Production Malaysia Incorporated (EPMI) dalam projek Dulang ini. Sikap EPMI untuk sedia berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan Carigali, selaku operator medan Dulang, adalah dihargai.

9. Industri petroleum Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat dalam tempoh yang agak singkat. Bagaimanapun, kita tidaklah boleh berpuashati dengan pencapaian ini kerana adanya persaingan sengit dalam urusaniaga

minyak dan gas. Oleh itu, saya menyeru syarikat-syarikat minyak di negara ini supaya mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan mereka selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri menjelang tahun 2020.

10. Akhir kata saya mengucapkan tahniah kepada PETRONAS Carigali atas kejayaannya melaksanakan satu projek besar seperti Dulang ini yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada negara. Projek Dulang ini membuktikan keupayaan rakyat Malaysia untuk melaksanakan projek berteknologi tinggi.

11. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kelengkapan Pengeluaran Dulang dan melancarkan minyak mentah Dulang.